



# HIMS

Housing Integrated Management System

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN PELANTIKAN JURUAUDIT DI  
BAWAH SEKSYEN 9 AKTA PEMAJUAN  
PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) 1966**

**JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
(KPKT)**

## SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
<b>Garis Panduan Pelantikan Juruaudit:</b>		
1.	Pemakluman Kepada Pemaju	3 - 4
2.	Panduan Proses Permohonan Pelantikan Juruaudit	5
3.	Contoh Surat Iringan ( <i>Covering Letter</i> ) & Dokumen Sokongan	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• L1 - Surat Permohonan Daripada Pemaju Melantik Juruaudit</li> </ul>	6
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh Borang Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Seksyen 263(4), Akta Syarikat 2016</li> </ul>	7
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh Sijil Kelayakan Juruaudit/ Chartered Accountant</li> </ul>	8

## PEMAKLUMAN KEPADA PEMAJU

Bil.	Perkara	Keterangan	
1.	Syarat dan penerangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Seksyen 9 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966, tiap-tiap pemaju perumahan berlesen hendaklah <b>setiap tahun atau seberapa kerap yang perlu</b>, melantik seseorang juruaudit yang diluluskan oleh Menteri.</li> <li>▪ Pemaju perlu membuat pendaftaran pelantikan juruaudit di sistem HIMS sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemaju tidak pernah membuat pendaftaran pelantikan juruaudit di sistem HIMS; atau</li> <li>▪ Tempoh kelulusan juruaudit yang dilantik telah tamat.</li> <li>▪ Pemaju menukar juruaudit yang baru.</li> </ul> </li> <li>▪ Juruaudit yang dilantik <b>tidak boleh ada kepentingan</b> dengan pengarah, pegawai, ejen pemaju perumahan.</li> <li>▪ Jika ada pertukaran juruaudit disebabkan letak jawatan/ meninggal dunia, pemaju hendaklah membuat pelantikan semula.</li> <li>▪ Selepas permohonan pelantikan juruaudit di sistem HIMS berstatus SEMAKAN LULUS BERSYARAT, pemaju hendaklah <b>menyelesaikan Laporan 7(e) dalam tempoh masa (7) bulan selepas tahun kewangan syarikat berakhir.</b></li> <li>▪ Setiap juruaudit hendaklah mengemukakan laporan kepada Pengawal Perumahan kira-kira tahunan dan akaun untung rugi pemaju - Laporan 7(e).</li> </ul>	
2.	Cara Permohonan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Secara atas talian melalui laman web <a href="https://hims.kpkt.gov.my">https://hims.kpkt.gov.my</a> Permohonan secara manual TIDAK DIPERLUKAN.</li> <li>▪ Klik Tab Perkhidmatan &gt; Pendaftaran &gt; Pelantikan Juruaudit.</li> <li>▪ Sebarang masalah teknikal berkaitan penghantaran permohonan, sila log aduan di sistem HIMS atau screenshot dan e-mel ke <a href="mailto:hims.aduan@kpkt.gov.my">hims.aduan@kpkt.gov.my</a>).</li> <li>▪ Semua dokumen sokongan perlu diimbis (scan) dalam format pdf sebelum fail dimuatnaik.</li> </ul>	
3.	<b>Dokumen Sokongan</b>		
	3.1	L1 - Surat Permohonan Darpada Pemaju Melantik Juruaudit	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dicitak di atas kepala surat syarikat pemaju perumahan, pengesahan pelantikan juruaudit yang akan mengaudit syarikat pemaju perumahan.</li> <li>▪ Pemaju hendaklah mencatatkan <b>nama juruaudit, nama firma juruaudit dan alamat penuh firma juruaudit</b> selaras dengan Seksyen 9(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966.</li> </ul>
	3.2	Borang Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Seksyen 263(4), Akta Syarikat 2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Diperolehi daripada juruaudit yang dilantik - Tarikh kelulusan juruaudit perlu sah tempoh</li> </ul>
3.3	Sijil Kelayakan Juruaudit/ Chartered Accountant	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Diperolehi daripada juruaudit yang dilantik - Sijil Kelayakan Juruaudit/ Chartered Accountant Yang Diiktiraf</li> </ul>	

4.	Tempoh Proses Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tempoh proses di sistem HIMS adalah 7 hari daripada tarikh permohonan lengkap.</li> <li>▪ Apabila permohonan di sistem adalah berstatus “SEMAKAN LULUS BERSYARAT”, pemaju boleh meneruskan proses penghantaran Laporan Kewangan Tahunan Beraudit Seksyen 7(e) sekiranya belum membuat penghantaran.</li> <li>▪ Bagi pengeluaran surat pemakluman dan untuk status permohonan bestatus “SELESAI, proses akan mengambil masa 30 hari bekerja.</li> </ul>
5.	Alamat untuk dihubungi	<p style="text-align: center;">Jabatan Perumahan Negara Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 PUTRAJAYA.</p>
6.	No. Telefon untuk dihubungi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mohd Idzuan Bin Mohamad Hamzah (Penolong Akauntan) 03-88914211/ <a href="mailto:idzuan@kpkt.gov.my">idzuan@kpkt.gov.my</a></li> <li>2. Pn. Rohaida Binti Samsuri (Penolong Akauntan Kanan) 03-88914207/ <a href="mailto:rohaida@kpkt.gov.my">rohaida@kpkt.gov.my</a></li> <li>3. Pn. Noratifah Binti Mohamad Rusdan (Akauntan) 03-88914199/ <a href="mailto:noratifah@kpkt.gov.my">noratifah@kpkt.gov.my</a></li> </ol>
7.	Akta dan Peraturan yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Seksyen 7(d) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 Akta 118</li> <li>▪ Seksyen 9 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 Akta 118</li> </ul>

**PANDUAN PROSES PERMOHONAN PELANTIKAN JURUAUDIT  
MELALUI SISTEM HIMS**

Bil.	Perkara
1.	<p><b>TAB – PERKHIDMATAN &gt; PENDAFTARAN &gt; PELANTIKAN JURUAUDIT</b></p> <p><b>A - BUTIRAN MAKLUMAT PEMAJU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan semua ruangan maklumat mandatori perlu diisi sebelum ke tab seterusnya.</li> <li>▪ No. Kelulusan – rujuk nombor kelulusan pada Borang Pembaharuan Kelulusan Juruaudit.</li> <li>▪ Tarikh mula dan Tarikh akhir Kelulusan – rujuk tempoh lesen juruaudit pada Borang Pembaharuan Kelulusan Juruaudit.</li> </ul> <p><b>B – SALINAN DOKUMEN SOKONGAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sila imbas (scan) Surat Permohonan Pemaju (L1), Borang Pembaharuan Kelulusan Juruaudit dan Sijil Kelayakan Juruaudit dan muatnaik di ruang yang ditetapkan.</li> </ul> <p><b>C- PERAKUAN PEMAJU PERUMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan maklumat di tab A &amp; B lengkap</li> <li>▪ Klik HANTAR.</li> </ul>

*(Kepala Surat Syarikat Pemaju)*

Tarikh:  
Ruj. Kami:  
Ruj. Tuan: (No. Kod Pemaju)

Pengawal Perumahan  
Jabatan Perumahan Negara  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan  
Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62100 PUTRAJAYA**

Tuan,

**AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) 1966 (AKTA 118) DI BAWAH  
SEKSYEN 9 – PELANTIKAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA**

*(tahun kewangan berakhir syarikat)*

.....

Adalah kami, syarikat pemaju perumahan ....*(Nama Syarikat Pemaju)*.... No.Lesen.....*(No. DL)*.....

2. Menurut seksyen 9(1) akta tersebut, setiap pemaju perumahan yang berlesen adalah dikehendaki melantik seorang yang disahkan oleh Y.B. Menteri untuk menjadi juruauditnya.

3. Untuk memenuhi kehendak Seksyen ini, maka dengan ini kami memohon supaya Y.B. Menteri sudi melantik tetuan dari syarikat berikut untuk dilantik sebagai juruaudit bagi syarikat kami bagi tempoh ...*(rujuk tarikh pada Borang Kelulusan Juruaudit)*... hingga ...*(rujuk tarikh pada Borang Kelulusan Juruaudit)*...

Nama Juruaudit :

Nama Firma Juruaudit :

Alamat Firma Juruaudit :

4. Bersama-sama ini disertakan maklumat yang hendak dilantik seperti berikut:-

- a) Borang Pembaharuan Kelulusan Juruaudit di bawah Seksyen 263(4), Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia **atau** Sijil Kelulusan Juruaudit Koperasi di bawah subseksyen 61(1) Akta Koperasi 1993 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia **yang sah tempoh**; dan
- b) Sijil Akauntan Bertauliah atau kelayakan ijazah yang diiktiraf.

Yang benar

.....

(Tandatangan & Cop Rasmi Pengarah)



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

AKTA SYARIKAT 2016  
(Seksyen 263(4))

PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT

Nor Kelulusan

[Redacted]

Menteri Kewangan Malaysia, dengan ini memberi pembaharuan kelulusan yang telah diberikan di [Redacted] bawah peruntukan Seksyen 263(2), Akta Syarikat [Redacted] haribulan [Redacted] [Redacted] sehingga [Redacted]

No. K.P. [Redacted] berkuatkuasa [Redacted] 2016 kepada [Redacted] haribulan [Redacted] [Redacted] berkuatkuasa mulai [Redacted]

Pembaharuan kelulusan ini adalah tertaktuk kepada syarat<sup>m</sup>syarat berikut:

- (i) Pelesen tidak boleh bersetuju untuk dilantik, dan tidak boleh dengan disedarinya, bertindak sebagai juruaudit bagi mana-mana syarikat dan tidak boleh menyediakan untuk atau bagi pihak sesuatu syarikat apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disediakan oleh seorang juruaudit syarikat yang diluluskan:-
  - (a) jika ia atau isteri/suaminya adalah setiausaha atau seorang pegawai syarikat berkenaan;
  - (b) jika ia atau isteri/suaminya adalah pekongsi dalam suatu firma pengurusan atau kesetiausahaan yang mana pekerjaannya adalah seorang pegawai syarikat berkenaan;
  - (c) jika ia atau isteri/suaminya adalah seorang pengarah di dalam suatu perbadanan pengurusan atau kesetiausahaan yang mana pekerjaannya adalah seorang pegawai syarikat berkenaan,
- (ii) Pelesen tidak boleh bersetuju untuk dilantik, dan tidak boleh dengan disedarinya, bertindak sebagai juruaudit bagi mana-mana pertubuhan atau organisasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di mana pertubuhan atau organisasi tersebut memerlukan perantaraan seorang juruaudit yang diluluskan:-
  - (a) jika ia berhubung kepada pertubuhan atau organisasi tersebut dalam amaun yang melebihi dua puluh lima ribu ringgit;
  - (b) jika ia seorang pegawai pertubuhan atau organisasi tersebut;
  - (c) jika ia seorang pekongsi, majikan atau pekerja kepada seorang pegawai pertubuhan atau organisasi tersebut;
  - (d) jika ia seorang pekongsi atau pekerja kepada seorang pekerja yang majikannya adalah seorang pegawai pertubuhan atau organisasi tersebut.
- (iii) Pelesen tidak boleh membenarkan pejabatnya digunakan sebagai tempat perniagaan yang tetap oleh mana-mana syarikat/pertubuhan/organisasi di mana ia adalah juruaudit.
- (iv) Pelesen tidak boleh mengadakan pejabatnya dalam pejabat berdaftar mana-mana syarikat di mana ia adalah juruaudit.
- (v) Pelesen tidak boleh secara langsung atau tidak langsung mencatat atau menyelenggarakan rekod-rekod perakaunan mana-mana syarikat di mana ia atau firma perkongsiannya adalah juruaudit syarikat tersebut kecuali kerja-kerja perakaunan yang berkaitan dengan pengauditannya.

[Redacted] haribulan [Redacted] [Redacted]

Pada

[Redacted]  
[Redacted]  
[Redacted] Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan Malaysia



**Malaysian Institute of Accountants**  
(Institut Akauntan Malaysia)  
Incorporated 1967 in Malaysia by Act of Parliament

**Practising Certificate**

*This is to certify that*

[Redacted Name]

*a*

**CHARTERED ACCOUNTANT**

*is entitled to engage in public practice under Rule 9 of the  
Malaysian Institute of Accountants (Membership and Council) Rules, 2001  
The holder of this practising certificate requires licences issued by  
the Government authorities to provide regulated services such as  
audit, taxation and liquidation.*

*Given at Kuala Lumpur under the Common Seal of  
the Malaysian Institute of Accountants on the*

[Redacted Date]

[Redacted Signature]

*President*

[Redacted Signature]

*Registrar*



Issuance Date : [Redacted]  
Certificate Number: [Redacted]

Membership No. [Redacted]



This certificate is the property of the Institute